

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN SISA SIFAR (ZERO WASTE)
SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) TRUE LIGHT
31 MAC 2012 (SABTU)
8.30 PAGI**

Yang Dihormati **Encik Soon Lip Chee**
Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai
Merangkap Pengerusi Pasukan Kerja LA21 Mesra Alam, MPSP

Yang Dihormati **Encik Ahli-Ahli Majlis**
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr. Hj Rozali bin Hj Mohamud**
Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Dihormati **Encik Tan Gee Chai**
Pengerusi Persatuan Ibu Bapa & Guru SJK (C) True Light

Yang Berbahagia **Encik ooi Seng Lee**
Guru Besar SJK (C) True Light

Yang **Dihormati Guru-guru serta Murid-murid**
SJK (C) True Light

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

Assalamualaikum.....

Selamat pagi dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan Majlis Pelancaran Sisa Sifar (Zero Light) Sekolah Jenis Kebangsaan (C) True Light pada hari ini.

Untuk makluman semua, sekolah ini merupakan sekolah yang kedua yang melancarkan sisa sifar (zero waste) selepas Sekolah Kebangsaan Permatang To' Kandu yang telah mengadakan majlis seumpama ini pada 28 Februari 2012 yang lepas.

Justeru itu, saya mengharapkan banyak lagi sekolah-sekolah yang akan mengambil pendekatan yang sama untuk melancarkan sisa sifar (zero waste) di sekolah masing-masing.

Tujuan program ini ialah untuk kesedaran dan menerima pendekatan secara holistik bagi pengurusan sisa-sisa pejabat, kantin dan kebun serta menggalakkan penambahbaikan berterusan. Secara tak langsung, ini akan membantu MPSP mengurangkan kos untuk pelupusan sisa pepejal dengan pengurusan sampah yang betul.

Peranan guru juga diperlukan di sini bagi membantu pihak MPSP memberikan pengajaran kepada semua murid mengenai kitar semula, eko komuniti, perancangan hijau serta aktiviti **4R** (Rethink, Reuse, Reduce & Recycle). Kefahaman murid adalah penting bagi memastikan kitar semula yang kita laksanakan berjaya. Justeru itu, adalah lebih baik kitar semula itu kita jadikan sebagai amalan kerana amalan yang baik memberikan manfaat kepada semua.

Saya menyeru kepada pihak sekolah agar dapat menerapkan nilai-nilai hijau di kawasan persekitaran sekolah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu menjadikan Pulau Pinang Bersih & Hijau. Hasrat Kerajaan Negeri ini juga seiring dengan fokus dan visi MPSP.

Majlis Perbandaran Seberang Perai berusaha untuk “Menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan”, penyediaan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsif kepada kehendak komuniti mestilah dipertingkatkan sejajar dengan peredaran semasa.

Selain itu juga, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah membentuk 7 Fokus MPSP pada Tahun 2012 iaitu :

- Fokus 1 : Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2 : Mewujudkan Eko-Komuniti
- Fokus 3 : Perancangan dan Pembangunan
- Fokus 4 : Penguatkuasaan
- Fokus 5 : Peningkatan Hasil dan Penjimatan Kos
- Fokus 6 : Penyertaan Komuniti Dalam Pengurusan Fiskal
- Fokus 7 : Pembinaan Kapasiti Modal Insan

Fokus MPSP 2012, memerlukan corak pengurusan perkhidmatan awam yang lebih kreatif untuk menambah baik dan memurnikan sistem penyampaian MPSP ke arah memenuhi aspirasi dan harapan rakyat yang sentiasa meningkat melalui pelan tindakan yang telah dirancang

Pulau Pinang adalah antara negeri yang pesat membangun dan ini telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada krisis di dalam pengurusan sisa pepejal yang kian meningkat saban hari. Selain itu, disebabkan pembangunan ini juga telah terjadinya proses urbanisasi yang menjadikan kepadatan populasi kian meningkat dan sekaligus mendorong kepada peningkatan jumlah penjanaan sisa pepejal dari setiap premis atau kawasan. Rakyat di negara ini juga menghasilkan sisa pepejal pada kadar yang agak membimbangkan dan lebih cepat daripada proses pendegrasian secara semulajadi, dan menggunakan sumber sumber lebih cepat daripada kadar bahan berkenaan boleh diganti semula. Ini dibuktikan berdasarkan beberapa kajian lepas di Malaysia, dikatakan secara purata setiap individu menghasilkan 0.7-1.0 kg sampah setiap hari iaitu adalah satu jumlah yang agak besar bagi sebuah negara membangun.

Justeru itu, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Ahli Jawatankuasa LA 21 berusaha memberi pendedahan dan pendidikan mengenai Sisa Sifar ini bagi membolehkan kita cekap menguruskan sisa pepejal. Bagi mencapai hasrat sisa sifar, Ahli-ahli Pasukan Kerja LA21 MPSP akan mengaudit setiap bulan dan memberi khidmat nasihat atau cadangan bagi peningkatan kualiti alam sekitar.

Adalah diharapkan dalam tempoh masa 4 bulan ini, 95% sisa yang dihasilkan, tidak lagi menjadi sampah tetapi menjana kepada sumber pendapatan sekolah. Untuk makluman semua, Penyampaian Anugerah Sekolah Sisa Sifar akan diberikan sempena Perayaan Hari Majlis dalam bulan Julai tahun ini.

Saya mengharapkan setiap sekolah di Seberang Perai akan bertanggung jawab untuk merancang dan memastikan kebersihan sekolah sentiasa terpelihara. Murid-murid seharusnya juga diberikan tanggung jawab bagi menjaga kebersihan kelas sendiri dan kawasan-kawasan tertentu. Penglibatan murid secara menyeluruh bererti mereka dididik untuk menjadi insan yang lebih bertanggung jawab dalam aspek kebersihan. Pihak PIBG juga dapat memainkan peranan melalui aktiviti gotong-royong yang boleh dijalankan dari masa ke semasa.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan komitmen penuh terhadap program ini dan saya menyeru kepada semua, marilah sama-sama kita berganding bahu menjaga kebersihan dan menceriakan kawasan sekitar agar kehidupan kita lebih berkualiti.

Dengan lafaz bimillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Majlis Pelancaran Sisa Sifar (Zero Waste) Sekolah Jenis Kebangsaan (C) True Light.

Sekian, terima kasih.